



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4307]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (14hb Disember, 1972) [Ruangan 4336]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1973 (14hb Disember, 1972) [Ruangan 4336]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Jumaat, 15hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P. Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

Yang Berhormat TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- .. TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- .. TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- .. TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- .. TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- .. TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- .. TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- .. TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- .. DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- .. TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- .. TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- .. TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- .. TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- .. DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- .. TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- .. TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- .. TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- .. WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- .. DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

Yang Berhormat RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).

- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI
BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S.,
M.B.E. (Johor Bahru Timor).

- Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGTIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DOA

(Tuan Yang di Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PROJEK-PROJEK PERSEKUTUAN DI PULAU PINANG

1. **Tuan Hor Cheok Foon** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat untuk projek-projek Persekutuan dalam Negeri Pulau Pinang sejak Merdeka.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di Pertua, projek-projek Persekutuan yang dilaksanakan secara langsung oleh Kerajaan Pusat di Pulau Pinang adalah dijalankan oleh beberapa Kementerian seperti Kementerian-kementerian Kesihatan, Pelajaran, Kebajikan Masyarakat dan Perhubungan dan oleh sebab itu butir-butir mengenai jumlah wang yang dibelanjakan di atas semua projek Persekutuan di Negeri itu tidak mudah dapat diperolehi. Bagaimanapun, rekod-rekod adalah disimpan bagi projek-projek berkenaan dengan pertanian, parit dan taliair dan kerja raya. Jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat atas projek-projek ini bagi tempoh dari tahun 1962, iaitu apabila cara membayar balek perbelanjaan dimulakan, hingga ke akhir tahun 1970 ialah sebanyak \$18,275,511.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dalam Rancangan Malaysia Kedua berapa banyakkah wang Kerajaan Pusat mengadakan untuk rancangan-rancangan di negeri Pulau Pinang.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain.

FILEM-FILEM MELAYU— MUTU KELUARAN

2. **Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah beliau berpuashati dengan mutu dan teknik dalam filem-filem Melayu yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat filem dalam negeri ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):

Tuan Yang di Pertua, jikalau diambil filem-filem dari luar negeri seperti daripada Hollywood sebagai perbandingan, maka filem-filem Melayu yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat filem dalam negeri ini tentulah tidak setaraf atau setanding dengan filem-filem tersebut dari segi mutu ataupun teknik.

Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah: Tuan Yang di Pertua, soalan saya ialah berbunyi: Adakah pihak Kementerian ataupun beliau berpuashati dengan mutu dan teknik dalam filem-filem Melayu yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat filem dalam negeri ini, bukan maksud saya mengadakan perbandingan dengan filem-filem yang didapati daripada Amerika atau lain-lain. Saya sendiri pun faham bahawa perbezaan di antara filem-filem yang dikeluarkan daripada Amerika atau lain-lain sangat jauh bezanya dengan filem-filem yang dikeluarkan di tanah air kita ini, tetapi adakah beliau berpuashati. Itu sahaja soalan saya.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di Pertua, kalau teknik yang saya katakan tadi tak begitu tinggi sebagaimana filem-filem yang datang daripada luar, tentulah kita tak puashati.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini apakah langkah atau tindakan telah diambil atau akan diambil oleh Kementerian-nya untuk meninggikan mutu dan teknik filem-filem yang dikeluarkan daripada tanah air kita?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di Pertua, rasa saya tanggungjawab untuk menentukan supaya filem-filem yang dikeluarkan di sini menjadi setanding dan lebih baik daripada filem-filem yang diimport dari luar negeri adalah banyak bergantung, saya rasa kepada syarikat-syarikat yang berkenaan yang mengeluarkan filem itu sendiri yang perlu umpamanya mengadakan studio-studio, alat-alat teknik yang moden yang boleh mengeluarkan filem-filem berwarna-warni dan berupa mungkin bercorak scope. Jadi tentang langkah yang boleh diambil oleh pihak Kerajaan ialah sematamata dengan secara tidak langsung menolong meninggikan mutu persembahannya dengan

menggalakkan kegiatan-kegiatan lakunan secara pementasan, kursus-kursus drama sebagaimana yang dianjurkan sekarang, pertandingan-pertandingan drama atau lakunan radio dan talivisyen yang membolehkan bakat-bakat baru ataupun orang yang veteran mendapat pengalaman yang lebih baik di bidang ini. Selain daripada itu, langkah boleh diambil dan telahpun diambil menghantar bakat-bakat ke luar negeri untuk mengikuti kursus-kursus dalam teknik filem, drama, lakunan dan sebagainya.

Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan kewajipan dan tanggungjawab siapakah untuk hendak meninggikan taraf mutu dan teknik filem-filem Melayu yang dikeluarkan dalam tanah air kita ini?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Seperti jawapan saya tadi, ini adalah bergantung kepada syarikat-syarikat yang berkenaan yang mengeluarkan filem-filem.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, kalau dibandingkan mutu filem yang dikeluarkan di dalam negeri kita ini dengan filem-filem yang datang dari Hollywood, katanya, maka mutu dan teknik filem di Malaysia ini amatlah rendah. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah pandangan dari kaca mata Kementerian ini yang mengatakan teknik dan mutu filem Malaysia ini rendah, kerana filem-filem di Malaysia ini tidak banyak berunsurkan sex?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya rasa, ini soalan lain dan tak ada kena mengena dengan soalan asal.

TELUR—KENAIKAN HARGA

3. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab naiknya harga telur secara tiba-tiba ke 16 sen sebutir bagi telur gred A di Sarawak kira-kira pada awal bulan Oktober, 1972. Adakah beliau akan memberikan jaminan bahawa Kementerian beliau akan menyasat perkara ini agar kenaikan harga telur secara tiba-tiba tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, kenaikan secara mengejut harga telur Gred "A" ke 16 sen sebutir di Sarawak pada awal bulan Oktober dahulu adalah disebabkan oleh keadaan penawaran dan permintaan. Keperluan terhadap telur meningkat tinggi dalam masa bulan puasa dan juga di dalam perayaan-perayaan Hari Raya Puasa dan Deepavali. Sungguhpun permintaan telah bertambah dengan banyaknya, tetapi perbekalan telah merosot akibat daripada keadaan cuaca yang buruk.

Sebelum menjelangnyanya musim-musim perayaan ini iaitu mulai daripada bulan April hingga September tahun ini, pengeluaran telur telah meningkat oleh kerana keadaan cuaca yang baik, tetapi malangnya kenaikan itu tidak pula diikuti oleh penambahan di dalam permintaan. Ini mengakibatkan harga telur pada masa itu jatuh ke paras yang rendah hingga ke 7 atau 8 sen sahaja sebutir.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Dari manakah datangnya permintaan ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Permintaan ini datangnya daripada rakyat atau pengguna iaitu demand of the consumers. Tadi saya terangkan iaitu ini terpulang kepada supply and demand pada satu-satu masa yang berkenaan.

PEKERJA-PEKERJA DALAM KESATUAN

4. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- bilangan pekerja-pekerja yang menjadi ahli dalam kesatuan-kesatuan sekerja;
- bilangan kesatuan-kesatuan sekerja di mana mereka dianjurkan; dan
- bilangan pekerja-pekerja yang tidak menjadi ahli kesatuan-kesatuan sekerja.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua,

- 325,916
- 240
- Jumlah pencarum-pencarum kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja ialah 2.15 juta.

Perbezaan di antara angka ini dan angka yang diberikan di dalam Item (a) akan menunjukkan secara kasar bilangan pekerja-pekerja yang tidak menjadi ahli-ahli kesatuan sekerja.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menjelaskan bahawa apakah langkah atau tindakan telah diambil atau akan diambil oleh Kementeriannya untuk menggaikkan pekerja-pekerja membentuk atau mewujudkan Kesatuan-kesatuan Sekerja?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, pendirian Kerajaan atas kesatuan-kesatuan adalah terang dan jelas dan saya rasa terpulanglah kepada pekerja-pekerja yang berkenaan yang hendak menubuhkan kesatuan-kesatuan. Kerajaan memang menggalakkan kesatuan-kesatuan yang bertanggungjawab dan sihat.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memberi penjelasan mengapakah Kerajaan tidak bersetuju mendaftarkan NUEPACS sebagai Kesatuan Sekerja seperti yang dicadangkan oleh pekerja-pekerja dan juga Trade Union?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Timbalan Menteri Buruh sedar di antara sebab-sebab adanya begitu ramai pekerja-pekerja yang tidak menjadi ahli kesatuan sekerja ialah kerana kesusahan pekerja-pekerja untuk mewujudkan kesatuan-kesatuan sekerja dan pengiktirafan daripada majikan-majikan?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, tidak benar, itu cuma pendapat Ahli Yang Berhormat dari Batu sahaja.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Buruh memberitahu Dewan ini, berapa-kaah kesatuan yang sudah menghantar permohonan pendaftaran mengikut Undang-undang Trade Union Ordinance, 1959 dan bilakah kesatuan itu boleh mendapat pendaftarannya?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya minta notis untuk soalan itu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Soalan tambahan. Tuan Yang di Pertua, apakah sebabnya Kesatuan Sekerja Ladang Kelapa Sawit Sungai Tong, Trengganu, yang telah diakui oleh Kementerian Buruh, tetapi sepanjang yang saya ketahui laporannya telah diberikan kepada Kementerian Buruh, tetapi sampai sekarang kesatuan sekerja itu belum lagi diiktiraf oleh majikan dan apakah langkah atau tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Buruh?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya sedar atas perkara ini dan perkara ini sedang disiasat dan perundingan masih dijalankan antara kedua belah pihak.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oieh kerana buruh adalah manusia yang ramai bilangannya dalam bidang perusahaan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh bercadang hendak mengadakan satu undang-undang supaya tiap-tiap kompeni atau tiap-tiap syarikat yang mempunyai buruh seramai 50 orang atau lebih diwajibkan ada sebuah kesatuan sekerja, jika tidak, mengapa?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan Perikatan ialah sebuah Kerajaan yang percaya penuh atas dasar demokrasi, kadang-kadang bagi pihak pekerja-pekerja sendiri tidak ingin hendak menubuhkan kesatuan sekerja. Kerajaan tidak boleh memaksa sesiapa pun menjadi ahli kesatuan.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Memanglah benar sebagai jawapan Menteri Buruh itu Kerajaan ini Kerajaan demokrasi bukannya Kerajaan hendakkan kerusi, tetapi adakah Kementerian Buruh tahu, berapa banyak buruh-buruh yang cuba menubuhkan kesatuan, tetapi telah dibuang kerja. Banyak pengaduan sampai kepada saya, tetapi bila Menteri Buruh pergi menyiasat, dia bukan menyiasat soal buruh itu. Pegawai Buruh pergi menyiasat majikan. Maka dengan sebab itu tidak mendapat keterangan. Apakah tindakan hendak dibuat kepada majikan yang membuang buruh kerana hendak menubuhkan persatuan?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, itu tidak benar langsung dan kaki-tangan Kementerian Buruh sentiasa membuat

lawatan dan penyiasatan di kilang-kilang. Mereka memang berjumpa antara kedua pihak—majikan dan kaum buruh.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di Pertua, mengikut jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri Buruh mengatakan sekejap tadi bahawa perkara Kesatuan Sekerja Ladang Kelapa Sawit Sungai Tong, Trengganu itu di dalam penyiasatan. Saya ingin mendapat tahu berapa lamakah lagi penyiasatan itu akan dapat diselesaikan, oleh kerana saya mendapat tahu kesatuan sekerja ini telah diakui oleh Kementerian Buruh sudah begitu lama, tetapi masalah ini masih terbiar dan saya khuatir kalau soal ini dibiarkan lagi, maka sesuatu kemungkinan akan berlaku.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, jika Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu butir-butirnya berkenaan dengan soal ini, saya cadangkan supaya Ahli Yang Berhormat itu membuat satu soalan khas mengenai Ladang Kelapa Sawit Sungai Tong itu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di Pertua, tujuan saya memajukan soal ini oleh kerana Timbalan Menteri Buruh itu tadi telah menjawab. Jadi saya pun berasa hairan kenapakah sekarang ini baharu dia minta supaya saya membuat satu soalan khusus terhadap soalan itu?

Tuan Yang di Pertua: Sebab, jawapannya itu barangkali panjang. Jadi bila panjang, jawapan itu dia berkehendakkan satu soalan yang lain, khas untuk soalan itu sahaja.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa ramai buruh-buruh di kilang perusahaan ingin mengadakan kesatuan sekerja dengan semangat sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Buruh itu iaitu untuk membela kaum pekerja. Adakah Kementerian itu sedar bahawa sebab-sebab mereka itu tidak dapat menubuhkan kesatuan ialah kerana tekanan daripada pihakmajikan, bukan kerana mereka tidak mahu menubuhkan kesatuan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, ada juga. Saya tidak kata semua majikan itu bagus, ada juga majikan yang tidak menggalakkan kesatuan-kesatuan di

tempat-tempat pekerjaan, tetapi apabila ada kes seperti itu dilaporkan kepada Kementerian, tindakan yang sesuai telah diambil atas tiap-tiap kes.

Tuan V. Veerappen: Adakah Kementerian ini sedar iaitu dalam perusahaan yang mendapat taraf perintis (pioneer status) pekerja-pekerja di situ tidak dibenarkan menubuhkan kesatuan sekerja. Jikalau sedar, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian ini memberi peluang kepada pekerja-pekerja di dalam kilang perusahaan taraf perintis untuk menubuhkan kesatuannya?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, tidak ada undang-undang menahan pekerja-pekerja menubuhkan kesatuan di mana-mana tempat mereka bekerja dan kilang-kilang yang di beri pioneer status itu. Pada amnya, Kementerian Buruh apabila satu-satu kilang di tubuhkan dalam tempoh satu atau dua tahun, Kementerian tidak menggalakkan penubuhan kesatuan sekerja, oleh sebab kilang itu masih belum berjalan dengan cekap lagi. Pada amnya, kita tidak menggalakkan, tetapi tidak ada undang-undang menahan sesiapa pun menubuhkan mana-mana kesatuan.

Tuan V. Veerappen: Oleh kerana itu, adakah Timbalan Menteri Buruh sedar majikan-majikan banyak yang menekan pekerja dan membayar gaji yang buruk sekali sehingga \$1.20 sehari dan lagi kalau diberi pioneer status sampai 3 tahun nanti, majikan pun lari balik ke negerinya.

Tuan Lee San Choon: Apa maksud soalnya itu? Adakah itu political campaign?

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di Pertua, soalan saya ialah oleh sebab Kementerian Buruh tidak membenarkan pekerja-pekerja kilang yang bertaraf perintis menubuhkan kesatuan sekerja, akibatnya pekerja-pekerja itu ditekan oleh majikan dan dibayar gaji yang sangat buruk sekali. Apakah tindakan yang Kerajaan akan ambil atas perkara ini? Itulah soalan saya.

Tuan Lee San Choon: Pada setakat sekarang ini, Tuan Yang di Pertua, pada amnya gaji-gaji yang diberi kepada pekerja-pekerja adalah memuaskan. Kementerian

Buruh adalah sedar bahawa ada beberapa majikan yang memberi gaji yang kurang sedikit, yang rendah sedikit dan untuk memperbaiki keadaan ini, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat serta kakitangan-kakitangan dalam Kementerian Buruh apabila mereka melawat ke tempat pekerja-pekerja yang berkenaan telah menasihatkan kepada majikan-majikan supaya memperbaiki gaji-gaji yang diberi kepada pekerja-pekerja. Dan pada amnya nasihat itu telah diterima dengan baik dan dijalankan.

Dr Tan Chee Khoo: Di dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan, beliau mengatakan pada masa sekarang ada 240 kesatuan-kesatuan sekerja. Saya hendak memberitahu kepada Menteri yang berkenaan, apakah langkah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah ambil untuk mengurangkan bilangan kesatuan-kesatuan sekerja ini dan menghapuskan peanut unions?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya fikir terpulanglah kepada kesatuan-kesatuan dan kita ada bukti menunjukkan bahawa kesatuan-kesatuan sendiri tidak hendak berkumpul dengan mereka sendiri bagi menubuhkan kesatuan yang besar. Dengan keadaan itu kita tidak boleh berbuat apa-apa.

Tuan V. David: Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, ada juga kesatuan minuman yang mahu membuat kesatuan yang besar, dan meminta Kementerian Buruh membuat pindaan atas undang-undang trade union itu sendiri supaya membuka pintu bagi pekerja-kerja kilang yang membuat barang-barang makanan dimasukkan dalam kesatuan itu. Kerajaan kata ini bukan Kesatuan makanan, ini minuman, dan tidak boleh dicampur dengan kesatuan makanan. Susu, Kerajaan kata ini satu barang makanan, bukan minuman. Kerajaan sendiri telah tolak permohonan daripada kesatuan-kesatuan minuman dalam negara kita. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan atas perkara ini.

Tuan Lee San Choon: Pendaftaran Kesatuan mendaftarkan persatuan-persatuan menurut classification yang tertentu dan Pendaftaran Kesatuan membuat keputusan-keputusan mengikut classification yang ada.

Tuan V. David: Saya tidak tahu ada satu classification dalam Kementerian Buruh, kerana International Trade Secretariat ada di tiap-tiap tempat memasukkan pekerjaan itu bagi seks-seksinya. Bolehkah Kerajaan mengikut International Trade Secretariat yang mana ILO pun adalah menerimanya. Yang Berhormat Menteri pernah sekali menjadi Presiden ILO. Bolehkah diikuti classification daripada ILO itu?

Tuan Lee San Choon: Trade classification itupun ada dalam ILO. Saya cadangkan Ahli Yang Berhormat membacakan classification itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya sudah baca dengan sebab itu saya soal Yang Berhormat Menteri. Kalau mahu saya boleh bawa cadangan itu kepada Menteri bagi menerima apa yang telah diterima oleh ILO. Saya boleh beri.

Tuan Yang di Pertua: Apa soalan tambahannya, saya hendak tahu.

Tuan V. David: Soalan tambahannya ialah barangkali Menteri tidak tahu apa classification itu, kalau Menteri boleh berjanji dalam Dewan ini, saya boleh beri cadangan yang diterima oleh International Labour Organisation. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh terima, saya boleh beri cadangan itu.

Tuan Yang di Pertua: Itu bukan soalan.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri itu membawa pindaan kepada undang-undang pekerja, kerana Pendaftaran Pekerja itu ada kuasa yang besar. Dia seorang yang boleh tetapkan mana satu pekerja yang boleh masuk mana union dan mana pekerja yang boleh masuk union yang lain, sebab itulah ada union yang kecil-kecil, oleh itu bolehkah Menteri membawa satu pindaan atas undang-undang tersebut?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, Undang-undang Pendaftaran Persatuan yang ada sekarang berkenaan dengan persatuan adalah memuaskan. Saya fikir tidak payah kita buat pindaan.

Tuan V. David: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada beritahu berkenaan kilang perintis (pioneer), sekarang dalam

negara kita banyak kilang-kilang pioneer tidak ada sistem tentang bayaran gaji. Bolehkah Kerajaan membuat undang-undang supaya tiap-tiap majikan membuat kilang mengikut satu tangga-gaji yang baik. Tangga-gaji yang baik itu, bolehkah Kerajaan bawa undang dalam negara kita (basic living wage)?

Tuan Lee San Choon: Soalan ini telah jauh sangat daripada asas soalan yang bertanya.

Tuan Yang di Pertua: Ya saya bersetuju.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan kesatuan sekerja di Ladang Kelapa Sawit Sungai Tong, Trengganu tadi ada menerangkan bahawa pihak Kementerian ada menerima lapuran. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan di dalam Dewan ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa di dalam kesatuan sekerja di Ladang Sungai Tong, Trengganu ada pemimpin-pemimpin parti politik yang tertentu yang memainkan peranan penting di dalam kesatuan sekerja ini.

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain sama sekali.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, atas perkara yang baharu dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang, Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Sungai Tong ini, saya sendiri telah melawat di tempat itu dan ada memberitahu kepada kesatuan ini dan berjumpa dengan wakil-wakilnya semasa saya ada di situ dengan pegawai-pegawai saya, kesatuan tersebut tidakpun datang di sana. Saya mendapat tahu dia mendapat nasihat daripada orang-orang dari parti politik, tidak usah jumpa. Kemudian dia datang ke Kementerian saya hendak berjumpa. Sungguhpun dia datang tidak ada membuat appointment, rakan saya, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai ada berjumpa dengan wakil-wakil daripada kesatuan itu. Jadi kita ada berjanji hendak tengok atas perkara union ini, tetapi, Tuan Yang di Pertua, Kesatuan di Sungai Tong ini adalah berbeza dengan lain-lain tempat, sebab gaji di sana pada masa sekarang adalah cukup memuaskan. Sebab gaji

di sana pada masa sekarang adalah cukup memuaskan dan ini adalah di bawah jagaan State Economic Development Corporation, Trengganu dan perbelanjaan ini bukan sahaja daripada duit Negeri tetapi juga daripada Federal yang menjalankan satu sekim yang besar. Jadi kita hendak menentukan supaya tidak ada campur tangan dalam soal politik dan lain-lain sebab kita mahukan kemajuan di Trengganu sana.

Tuan Fan Yew Teng: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Buruh menyatakan samada beliau sedar bahawa di antara sebab-sebab bagi pekerja-pekerja di seluruh negara kita termasuk kesatuan-kesatuan sekerja ialah sistem contract labour yang ada sekarang dan kalau Yang Berhormat Menteri sedar, bolehkah beliau membuat satu undang-undang untuk menghapuskan contract system ini?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya telah menjawab mengenai contract labour dua hari dahulu. Saya cadangkan Ahli Yang Berhormat itu membaca jawapan itu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Satu keterangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sekejap tadi berkenaan dengan perkara Kesatuan Sekerja Peladang Kelapa Sawit Sungai Tong, Trengganu ini ada menyatakan bahawa oleh kerana gaji yang diberi kepada pekerja-pekerja itu sudah baik, adakah ini menjadi suatu sebab bahawa di mana kesatuan sekerja yang telah diakui oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dengan majikan tidak payah mengiktiraf kesatuan sekerja itu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya telah diberi keterangan atas perkara ini. Gaji, tempat kediaman dan lain-lain pada masa sekarang adalah cukup memuaskan, tetapi di tempat itu adalah berbeza dengan lain-lain majikan. Bukan kita kata tidak boleh ada satu kesatuan di sana, tetapi kita ada memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dan kita juga ada memberi nasihat kepada Wakil-wakil Pekerja dengan seberapa segera supaya diadakan satu Joint Negotiation Machinery ataupun Joint Consultative Council. Kemudian dengan

seberapa boleh majikan boleh memberi recognition kepada union itu.

PERSATUAN-PERSATUAN NELAYAN—PENUBUHAN

5. Tuan Abu Bakar bin Omar minta Menteri Pertanian dan Perikanan adakah beliau sedar dengan adanya Persatuan-persatuan Nelayan, Syarikat Kerjasama Nelayan telah terancam dan apakah satu tindakan supaya kedua-dua badan ini dapat diseiaraskan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, jawabnya tidak. Penubuhan Persatuan-persatuan Nelayan tidak patut di anggap mengancam Syarikat Kerjasama Nelayan. Penubuhan Persatuan-persatuan Nelayan dan penubuhan Syarikat Kerjasama Nelayan adalah terkawal melalui pendaftarannya menurut Undang-undang masing-masing yang berasingan. Persatuan-persatuan Nelayan adalah ditubuhkan mengikut kawasan dan didaftarkan di bawah Akta Persatuan Nelayan, 1971. Akta ini menyatakan tujuan-tujuan dan juga syarat kelayakan bagi ahli-ahli Persatuan-persatuan yang ditubuhkan. Menurut Peraturan-peraturan Persatuan-persatuan Nelayan, 1972 sesuatu Syarikat Kerjasama Nelayan boleh menjadi ahli Persatuan Nelayan sebagai satu unit Persatuan Nelayan di mana Syarikat Kerjasama itu berada.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah telah sampai kepada pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa satu-satu tempat yang hendak ditubuhkan Persatuan Nelayan kerana tempat itu adanya syarikat nelayan maka ahli-ahli syarikat nelayan telah menjalankan kempen menghalang daripada penubuhan persatuan nelayan?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya dengar berita-berita angin tetapi belum sampai dengan cara rasmi. Walau bagaimanapun perkara ini boleh kita atasi disebabkan kenyataan yang saya berikan sebentar tadi bahawa Persatuan Nelayan ini dibentuk menurut kawasan yang luas dan syarikat kerjasama ini ditubuhkan di satu-satu kampung atau satu-satu pengkalan nelayan. Yang demikian

adalah mudah syarikat-syarikat nelayan ini menjadi satu yunit kepada Persatuan Nelayan kawasan dan barangkali ada kemungkinan beberapa orang ahli syarikat kerjasama yang salah faham mengenai penubuhan ini dan saya yakin bila kita terangkan dengan baik mereka akan menerima kerana persatuan boleh membela nasib mereka nanti dan tidaklah pula menjadi satu pergaduhan pula di antara ahli-ahli Persatuan Nelayan dengan syarikat kerjasama.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Untuk mengelakkan daripada salah faham, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bersetuju untuk kebaikan bersama supaya hanyalah ada satu sahaja Persatuan Nelayan, tidak lagi adanya Syarikat Nelayan ataupun kalau diadakan Syarikat Nelayan, tidak payah diadakan Persatuan Nelayan, sebab matlamat dan tujuannya adalah sama?

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di Pertua, Syarikat Nelayan yang baharu tidak diterima lagi pendaftarannya. Mereka digalakkan supaya masuk dalam Persatuan Nelayan. Tetapi manamana yang telah menubuhkan syarikat itu tidaklah dipaksa melainkan apabila mereka lihat kelab Persatuan Nelayan lebih baik daripada syarikat, dengan sendiri mereka itu secara sukarela masuk dalam Persatuan Nelayan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Adakah daripada jawapan Yang Berhormat Menteri ini tujuan Kerajaan ingin melihat Syarikat Nelayan ini berkubur dengan sendirinya sesudah adanya Persatuan Nelayan ataupun memang baik Kerajaan berusaha lebih dahulu daripada timbulnya satu kekecohan di antara Persatuan Nelayan dengan ahli-ahli Syarikat Nelayan?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di Pertua, keterangan tidak cukup sampai kepada mereka itu, tetapi perkara ini boleh diusahakan. Walau bagaimanapun dasar Kerajaan itu elok supaya persatuan difikirkan lebih baik ditubuhkan tetapi dengan tidak merosakkan yang ada. Syarikat yang ada boleh berpindah dengan kehendak mereka sendiri, kerana jika dipaksa, ini adalah berlawanan dengan konsep demokrasi kita di sini.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan bercadang supaya Syarikat Kerjasama Nelayan dan Persatuan Nelayan ini dimasukkan di dalam satu Kementerian, oleh kerana dua Kementerian berusaha untuk memperelokkan satu masalaah nelayan yang kadang-kala menjadi soal berlumba-lumba. Dalam berlumba-lumba itu, yang itu pun tidak dapat, yang ini pun tidak dapat.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Jabatan Syarikat Kerjasama hanya mendaftarkan sahaja. Pihak-pekah nelayan yang hendak menubuhkan syarikat kerjasama, itu terpulanglah kepada mereka berusaha memajukan diri mereka sendiri dan sekarang sudah timbul satu cadangan baharu Kerajaan mengadakan Persatuan Nelayan untuk memberi faedah yang lebih besar tetapi kita tidak hendak paksa syarikat kerjasama pindah melainkan dengan kehendak mereka sendiri. Dan sepanjang mengenai kedua-dua Kementerian ini tidak ada perlumbaan dan tidak ada perselisihan sedikitpun.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah anggapan saya ini betul bahawa Syarikat Nelayan ini adalah syarikat yang menjalankan satu perusahaan ataupun satu-satu perkara kebaikan untuk nelayan dan persatuan itu adalah persatuan untuk mempertahankan hak-hak nelayan? Adakah pendapat ini betul?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ianya mempunyai tujuan yang sama, tetapi nelayan yang mendaftarkan syarikat bergerak atas kakinya sendiri. Tetapi Persatuan Nelayan ini adalah menerima pertolongan-pertolongan yang tertentu daripada Kerajaan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Dari penjelasan Yang Berhormat Menteri mengatakan tidak mungkin berlaku perselisihan antara pemimpin-pemimpin Syarikat Persatuan Nelayan dengan Syarikat Kerjasama Nelayan. Saya ingin mendapat penjelasan, baharu-baharu ini atas usaha syarikat nelayan di Kuala Besut, Trengganu hendak membawa 20 buah Pukat Tunda dari Selangor ke perairan Besut telah ditentang hebat oleh Persatuan Nelayan di Besut sendiri?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di Pertua, sepanjang yang saya ketahui Kementerian Pertanian dan Perikanan telah menentukan apabila mengeluarkan lesen kawasan-kawasan di mana mereka boleh menangkap ikan supaya tidak berlaku pergaduhan di antara penangkap ikan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Boleh jadi penangkap ikan di Selangor tidak dibenarkan menangkap ikan di kawasan Trengganu, maka sudah pastilah syarikat nelayan di Trengganu membuat bantahan. Boleh jadi penangkap ikan di Trengganu juga jika datang di Selangor akan dibantah oleh penangkap ikan Selangor, ini satu cara menyelesaikan masalaah pergaduhan di antara mereka itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di Pertua, supaya lebih jelas soal tambahan saya begini. Baharu-baharu ini Syarikat Kerjasama Nelayan Kuala Besut telah memutuskan untuk membawa 20 Pukat Tunda ke perairan Besut, kemudian dibantah oleh ahli-ahli Persatuan-persatuan Nelayan, tidakkah ini menjadi satu bukti bahawa kalau satu tempat itu ada Persatuan Nelayan dan adanya syarikat nelayan, maka timbul pergaduhan antara dua pihak ini, dan ini sebagai satu contoh dan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan sendiri telah menerima surat daripada saya mengenai perkara ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di Pertua, kita tidak ada kuasa hendak menahan sesiapa yang hendak membantah, tetapi apabila mereka telah membantah, maka tidak dapat tidak Menteri yang berkenaan akan menyelidiki dan membaiki atas perkara itu. Kita tidak boleh hendak menahan mereka menjerit, tidak boleh menahan mereka hendak membantah. Apabila mereka telah membantah, baharulah disiasat dan ditimbang mana yang betul dan mana yang salah dan membaikinya.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di Pertua, soal tambahan. Adakah Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Pertanian dan Perikanan sedar bahawa sekarang ini di antara nelayan-nelayan telah pun berpecah dua, satu pihak mengatakan, kami orang Gafar Baba, dan pihak satu lagi mengatakan, kami orang Tan Sri Haji Mohamad Ghazali Jawi, jadi dengan ini pergaduhan terbayang akan terjadi di

antara nelayan-nelayan ini yang masuk syarikat kerjasama nelayan dan persatuan nelayan.

Tuan Yang di Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Soalnya, apakah satu jalan untuk mengatasi atas hal ini iaitu untuk menyelaraskan di antara pertubuhan nelayan ini dan juga syarikat kerjasama?

Tuan Yang di Pertua: Apa cadangan hendak menyelaraskan perkara ini? Itu soalan lain. Soalan berkenaan dengan perkara ini yang saya hendak dengar.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di Pertua, supaya tidak terjadi pergaduhan antara.

Tuan Yang di Pertua: Ada cadangan lain?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Ya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di Pertua, ini terpulang kepada nelayan itu sendiri. Saya telah beritahu tadi, Kerajaan tidak lagi mahu mendaftarkan syarikat nelayan yang baharu. Nelayan nelayan yang ingin hendak berkumpul atau bekerjasama, saya nasihatkan masuk kepada Persatuan Nelayan. Tetapi hendak membubarkan mereka yang telah menubuhkan syarikat begitu lama mungkin menjadi satu kesusahan kepada mereka. Jadi terpulanglah kepada mereka, kalau mahu membubarkan sendiri. Kerajaan tidak mahu paksa dibubarkan dan dengan adanya Persatuan Nelayan yang lebih baik mungkin mereka dengan sendiri sahaja akan mengubah pendaftaran itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soal tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Kementerian berkenaan sedar iaitu di Kuala Selangor misalnya ada syarikat nelayan dan syarikat nelayan ini hendak menubuhkan Persatuan Nelayan, tetapi tidak dibenarkan, kerana katanya ditempatkan lagi dua tahun baharu boleh ditubuhkan Persatuan Nelayan. Jadi supaya Persatuan Nelayan dan syarikat nelayan dapat dijadikan satu—hendak ditubuhkan, tetapi kita Kementerian Pertanian dan Perikanan lain tahun baharu boleh ditubuhkan. Dapatkah Kementerian yang ber-

knaan berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan supaya dapat bekerjasama di atas perkara itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, penubuhan Persatuan Nelayan ini menurut program yang tertentu yang diatur oleh Kementerian sendiri, jadi mungkin di Kuala Selangor itu menurut jadualnya akan ditubuhkan pada tahun 1973 atau 1974. Saya katakan begitu, setakat ini Persatuan Nelayan hanya telah ditubuhkan 15 buah dan akan menjadi 54 buah akhirnya menjelang Rancangan Malaysia Yang Kedua. Dan sebagai tambahan, daripada pandangan Ahli Yang Berhormat tadi, Persatuan Nelayan dibentuk adalah berasaskan atau berpandukan konsep yang dijalankan oleh Persatuan Peladang lebih kurang sama keadaannya. Setelah Persatuan Peladang berjalan selama 4 tahun atau 5 tahun maka didapati ada sedikit keretakan atau selisih faham yang tidak begitu besar berlaku di antara Syarikat Kerjasama Peladang dengan Persatuan Peladang. Jadi dengan kerana itu timbullah satu cadangan dan dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu jawatankuasa telah dibentuk bagi menyediakan satu laporan untuk menyelaraskan kedua-kedua pertubuhan ini. Kiranya penyelarasan dapat berjalan dengan baik kelak, saya mempunyai keyakinan bahawa penyelarasan juga akan diikuti oleh Persatuan Nelayan dengan syarikat kerjasama.

DISPENSARI LUAR BANDAR

6. Tuan James Stephen Tibok bertanya kepada Menteri Kesihatan adakah beliau sedar bahawa dispensari-dispensari luar bandar di Sabah tidak dilengkapi dengan syringe dan dadah-dadah yang perlu seperti penicillin, vitamin dan Gentian Violet, dan jika sedar, mengapa dan bila dispensari-dispensari ini akan diberi kemudahan-kemudahan ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, biasanya semua dispensari-dispensari luar bandar ada dibekalkan dengan syringe, penicillin, vitamin dan Gentian Violet dan pada masa ini Setor Perubatan Pusat, Kota Kinabalu ada menyimpan dengan cukupnya perkakas dan dadah-dadah tersebut. Barang-barang ini akan dibekalkan apabila dipesan.

Tuan Edwin anak Tangkun: Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar bahawa dispensari-dispensari di luar bandar di Sarawak dilengkapi dengan ubat seperti penicillin, vitamin dan ubat lain kerana ubat itu perlu sekali kepada penduduk-penduduk di luar bandar, apakah langkah yang akan diambil oleh Menteri Kesihatan supaya menimbangkan bagi memberi bantuan ubat dengan penuh kepada dispensari di luar bandar di Sarawak?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, yang sebenarnya ubat-ubat telah diberikan oleh dispensari-dispensari yang ada di Sarawak dengan percuma, jikalau ada didapati ubat itu kurang, pegawai-pegawai yang berkenaan itu akan berhubung kepada Setor Perubatan Pusat di Kuching, maka apa-apa ubat yang dikehendaki itu bolehlah didapati.

MAKTAB TENTERA DI RAJA— KEMASUKAN PENUNTUT MELAYU

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertahanan menyatakan samada benar bahawa penuntut-penuntut dari aliran Melayu tidak diterima masuk ke Maktab Tentera di Raja di Sungei Besi, dan jika tidak, nyatakan bilangan penuntut-penuntut dari aliran Melayu yang sedang menuntut di Maktab tersebut pada masa sekarang.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, jawapannya tidak benar bahawa penuntut-penuntut dari sekolah-sekolah aliran Melayu tidak diterima masuk ke Maktab Tentera di Raja. Rekod menunjukkan bahawa di antara pegawai-pegawai kedet yang telah dipilih untuk menjalani latihan di Maktab itu terdapat pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah aliran Melayu dan jumlah mereka ialah 11 orang yang telah dilatih dan ditauliahkan dalam tahun 1971 dan 7 orang dalam tahun 1972, sementara 22 orang lagi adalah sedang menjalani latihan dalam tahun 1972 ini.

Mengenai penerimaan masuk ke Cawangan Putra Maktab Tentera di Raja yang menyediakan pelajaran menengah atas melalui pengantaraan bahasa Inggeris itu, ianya adalah terbuka kepada semua penuntut-penuntut sekolah menengah di Malaysia berdasarkan di atas kejayaan mereka di dalam pepe-

riksaan Sijil Rendah Pelajaran (L.C.E.). Oleh sebab bahasa Inggeris masih menjadi bahasa pengantarnya, maka adalah sukar bagi penuntut-penuntut dari sekolah aliran Melayu ataupun Bahasa Kebangsaan untuk mengikuti pelajaran dalam bahasa Inggeris di peringkat yang tinggi, iaitu di Tingkatan IV, V dan VI dan seterusnya berjaya dalam pelajaran mereka di Maktab itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, dengan angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tadi yang menunjukkan terlampau kecilnya bilangan penuntut aliran kebangsaan untuk memasuki di Maktab Tentera ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan bercadang di masa yang akan datang supaya pertimbangan diberi semula agar lebih ramai penuntut-penuntut dari aliran kebangsaan dapat memasuki di Maktab yang tersebut?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, kita telah membuat apa-apa persiapan untuk mengadakan pada masa-masa yang akan datang. Ini kita dapatkan, kalau boleh, 100% daripada S.P.M.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oleh kerana Maktab Tentera di Raja ini memakai penggunaan bahasa pengantarnya bahasa Inggeris, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan bercadang supaya cara yang demikian itu diubah di masa yang akan datang supaya sekurang-kurangnya hanya penggunaan itu separuh dengan bahasa Inggeris dan separuh lagi dengan bahasa kebangsaan?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya kata tadi akan dibuat, sudah dibuat atas aliran bahasa pengantar di Maktab Tentera di Sungai Besi, tetapi saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak faham. Sebenarnya ada dua pihak di Maktab Sungai Besi sekarang ini iaitu satu Maktab Tentera bagi Cadet dan satu lagi Maktab Tentera bagi Putra—Boys Wing.

JALAN KEMBAR (DUAL CARRIAGEWAY) KUALA LUMPUR/ SEREMBAN

8. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga memberikan butir-butir

mengenai cadangan pembinaan jalan kembar di antara Kuala Lumpur dan Seremban dan samada langkah-langkah sedang diambil untuk menentukan bahawa perwakilan-perwakilan yang terdiri daripada tuanpunya-tuanpunya kedai, rumah atau tanah yang terlibat kerana pembinaan jalan ini akan didengari dan dilayani dengan adilnya.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, jalan baru 2 jalur (dual carriageway) Kuala Lumpur/Seremban bermula kira-kira di batu 7½ Jalan Sungai Besi, sekarang ini. Jalan ini menuju ke Selatan melalui kawasan Serdang, Bangi dan menyeberangi Jalan Nilai kira-kira di Batu 15 sebelum menuju ke Lembah Labu untuk bertemu dengan jalan ke Port Dickson di Batu 2. Jalan yang baru ini panjangnya kira-kira 37 batu dan direkabentuk untuk memenuhi kehendak-kehendak lalu lintas sehingga sekurang-kurangnya ke tahun 1990. Langkah-langkah yang cermat telah diambil untuk mengurangkan jumlah kesusahan ataupun kerosakan harta benda akibat pembinaannya. Peraturan-peraturan bagi mengambil balik tanah dan harta benda mengikut Akta pengambilan balik tanah tahun 1960 adalah menjadi amalan Pemungut-pemungut Hasil Tanah dalam memberi pampasan-pampasan kepada mereka-mereka yang terlibat. Saya percaya bahawa tuanpunya-tuanpunya tersebut akan mendapat peluang untuk mengemukakan apa-apa masalah mereka itu menurut Akta tersebut.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 9 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

MAS—PENDARATAN DI BRUNEI

9. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Perhubungan mengapakah MAS tidak diberi hak mendarat di Brunei.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sungguhpun perundingan perjanjian udara di antara Malaysia dan United Kingdom yang diadakan baru-baru ini telah gagal mencapai persetujuan, Kerajaan sedang berusaha mengikhtikarkan cara yang sesuai untuk menyelesaikan perkara ini.

“CHINA PICTORIAL”—MAJALLAH

10. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kenapakah dengan tiba-tiba sahaja Kerajaan mengharamkan majallah “China Pictorial” keluaran yang kelima dan keenam setelah menyebarkannya.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Kemasukan dan pengedaran “China Pictorial” keluaran No. 5 dan 6 tahun 1972 tidak diluluskan dan bukanlah diharamkan dengan tiba-tiba sahaja seperti dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Keluaran-keluaran ini telah didapati di edarkan walaupun keputusan telah dibuat tidak membenarkannya. Oleh sebab itu keluaran-keluaran ini telah dirampas.

FERI DARI PULAU PINANG KE INDONESIA

11. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Perhubungan menyatakan kejayaan yang telah dicapai dalam rundingan mengenai perkhidmatan feri dari Pulau Pinang ke Indonesia dan bilakah kerja terhadap projek ini akan dimulakan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Di atas permintaan Kerajaan Malaysia Bank Pembangunan Asia telahpun menghantarkan satu kumpulan Juru-juru Perunding terdiri daripada Jurutera, Ekonomist dan Peguam ke Malaysia dalam bulan Oktober yang lepas bagi mengadakan kajian perkhidmatan feri antara Pulau Pinang—Belawan secara menggunakan kapal feri dan kemudahan-kemudahan daratan yang moden. Kajian tersebut telahpun siap dan sekarang ini Kementerian sedang menanti laporan daripada Syarikat Juru Perunding tersebut dihantar dari Bank Pembangunan Asia di Manila. Adalah dijangkakan laporan ini akan siap dalam pertengahan bulan Disember tahun ini.

PELATIH-PELATIH T.U.D.M.—LATIHAN

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertahanan menyatakan bagaimanakah latihan yang diberi kepada pelatih-pelatih pemandu helikopter T.U.D.M.

oleh pihak Kementerian Pertahanan, Kementerian Perhubungan dan Syarikat S.E.A. Helikopter (M) Sdn. Berhad memandang kepada kemalangan helikopter di Ulu Langat baru-baru ini di mana dua orang telah terbunuh iaitu seorang pelatih pemandu dan seorang lagi pengajar; dan nyatakan jenis saguhati yang telah diberi kepada keluarga-keluarga mereka yang malang itu.

Perdana Menteri: Latihan asas memandu helikopter bagi pelatih-pelatih T.U.D.M. adalah diberikan oleh Syarikat S.E.A. Helikopter (M) Sdn. Berhad mengikut cara kontrek. Kapal terbang yang digunakan dalam latihan itu ialah jenis Bell 47-G dan Bell 206 A. Selepas pelatih-pelatih tamat latihan itu dengan jayanya, mereka dihantar untuk mengikuti latihan penyesuaian di salah NURI atau ALLOUETTE.

Kementerian Perhubungan tidak terlibat dalam latihan pemandu-pemandu helikopter T.U.D.M.

Sebanyak \$5,000.00 telah diberikan sebagai saguhati kepada keluarga pelatih pemandu helikopter T.U.D.M. yang terbunuh baru-baru ini di Ulu Langat ketika menjalani latihan itu. Selain dari itu sebanyak \$150.00 telah juga diberikan untuk belanja perkebumian.

Menurut peraturan-peraturan yang ada sekarang, pencen tanggungan boleh dibayar kepada ibu bapa anggota tentera yang meninggal dunia dalam masa perkhidmatan jika kematian itu disebabkan oleh sebab-sebab yang berkait dengan perkhidmatan dan jika ibu bapa itu di dalam kesusahan. Kementerian Pertahanan kini sedang menjalankan penyiasatan tentang kedudukan kewangan ibu bapa pegawai yang malang ini untuk menentukan samada mereka layak menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan.

Mengenai jurulatih yang turut terbunuh di dalam kemalangan itu, ianya adalah seorang kakitangan syarikat tersebut dan oleh itu soal pampasan kepada keluarganya itu adalah di bawah tanggungjawab syarikat itu.

PERUBATAN "THERAPEUTIC"— PERLAKSANAAN

13. Dr A. Soorian minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilakah perubatan "therapeutic" akan

dilaksanakan di dalam perkhidmatan perubatan Orang Asli oleh kerana apa yang sebenarnya dilakukan sekarang ini adalah ditumpukan terhadap pencegahan penyakit sahaja.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Perubatan "therapeutic" di dalam perkhidmatan perubatan Jabatan ini kepada Orang Asli sememangnya ada, dan diselenggarakan menerusi:

- (a) Hospital Jabatan, di Gombak, yang mempunyai 400 katil untuk pesakit-pesakit.
- (b) Pos-pos Perubatan di pendalaman hutan, berjumlah 72 buah.
- (c) Dispensari-dispensari bergerak.
- (d) Pegawai-pegawai Jabatan yang akan menentukan Orang-orang Asli yang memerlukan rawatan, dibawa ke hospital-hospital yang berdekatan.

Sungguhpun kemudahan-kemudahan mendapat rawatan ada disediakan di kebanyakan kawasan Orang Asli, tetapi Jabatan ini berpendapat bahawa rancangan-rancangan pencegahan penyakit amatlah mustahak. Rancangan-rancangan seperti mencegah batuk kering, mencegah Malaria, "innoculations", kebajikan ibu dan anak kecil, pengetahuan mengenai ilmu kesihatan adalah penting dalam usaha-usaha Kerajaan hendak meninggikan taraf kesihatan Orang Asli.

PEKERJA-PEKERJA ANTIMALARIA

14. Dr A. Soorian minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) bilangan pekerja-pekerja antimalaria yang menjalankan kerja-kerja bagi kesihatan Orang Asli hari ini;
- (ii) masalaah utama di dalam melaksanakan rancangan mencegah Malaria sekarang ini berhubung dengan Orang Asli; dan
- (iii) bagaimana ubat antimalaria (misalnya chloroquine yang telah dicampur dengan garam) dibahagikan kepada beberapa keluarga Orang Asli yang tinggal di atas bukit-bukit yang terpencil dan jauh ke dalam hutan rimba.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (i) Kesemuanya ada 96 orang pekerja-pekerja antimalaria yang menjalankan kerja-kerja bagi kesihatan Orang Asli di dalam Rancangan Menghapuskan Malaria.
- (ii) Masaalah-masaalah utama di dalam usaha melaksanakan rancangan mencegah Malaria adalah seperti berikut:
 - (a) Oleh kerana rumah-rumah Orang Asli di pendalaman hutan kebanyakannya adalah pondok-pondok kecil yang kadangkala tidak mempunyai dinding dan lantai yang lengkap, maka kesan dari semboran D.D.T. yang dibuat oleh pekerja-pekerja antimalaria tidaklah begitu memuaskan.
 - (b) Orang Asli selalu bermalam di luar dari rumah-rumah mereka—di dalam pondok-pondok sementara, di bawah pokok-pokok besar—apabila mereka keluar mencari rezki.
- (iii) Ubat anti Malaria Chloroquine 300 mg + Pyremethamine 150 mg adalah diberi kepada tiap-tiap Orang Asli di pendalaman hutan pada tiap-tiap minggu oleh pekerja-pekerja antimalaria dan kakitangan lain dari Bahagian Perubatan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang ditempatkan di kawasan-kawasan tertentu. Pegawai-pegawai Perubatan yang bertugas dengan Jabatan ini ada mengesyorkan supaya ubat chloroquine yang dibahagi kepada Orang Asli, dicampurkan dengan "iodised salt" Dalam hal ini, Pengarah Rancangan Mencegah Malaria, Kementerian Kesihatan sedang menunggu ulasan dari pakar WHO, dan satu-satu ketetapan belum lagi diterima.

**FILEM-FILEM MELAYU—
MENINGGIKAN MUTU**

15. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah
minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

menyatakan apakah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan yang filem-filem Melayu yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat filem di negara ini hari ini supaya setanding atau lebih baik daripada filem-filem Melayu yang diimport dari negara-negara asing.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:
Syarikat-syarikat filem dalam negara ini adalah syarikat-syarikat filem yang bercorak swasta dan kerana itu Kerajaan tidak secara langsung mengambil apa-apa langkah yang tertentu bagi meninggikan mutu filem-filem yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat itu. Dalam pada itu beberapa kegiatan Kerajaan secara tidak langsung sebanyak sedikit akan dapat meninggikan mutu persembahannya. Langkah-langkah itu ialah dengan menggalakkan kegiatan-kegiatan lakunan secara pementasan, pertandingan drama atau lakunan radio! TV yang membolehkan bakat-bakat baru atau pun orang-orang yang veteran untuk mendapat pengalaman yang lebih baik. Selain dari itu biasiswa-biasiswa ataupun pinjaman-pinjaman juga dibuat oleh Kerajaan samada oleh Kementerian-Kementerian yang berkenaan atau badan-badan berkanun untuk membolehkan beberapa orang warganegara pergi keluar negeri untuk dilatih dalam bidang lakunan, teknik pengambilan filem dan penerbitan-penerbitan filem.

Mutu satu-satu filem dan teknik pengeluaran filem-filem itu bergantung kepada banyak faktor, di antara lain ialah faktor kewangan, kemudahan-kemudahan yang ada dan keahlian para pelakon, pengarah dan jurugambar yang mengeluarkan filem-filem itu. Kalau dibandingkan dengan filem-filem yang dikeluarkan oleh negara-negara lain yang menggunakan banyak wang, mempunyai kemudahan-kemudahan yang lengkap dengan pelakon-pelakon, pengarah dan sebagainya yang mempunyai penuh kemahiran dan pengalaman. Maka tidak dapatlah saya mengatakan iaitu mutu filem-filem dan teknik persembahan Melayu keluaran tempatan memuaskan hati saya.

PERTIKAIAN-PERTIKAIAN PERUSAHAAN

16. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan pertikaian perusahaan, kerja mengikut peraturan, piket dan mogok yang berlaku di dalam masa tiga tahun yang lalu dan sebab-sebab terdapatnya keadaan perusahaan yang tidak tenteram.

Tan Sri V. Manickavasagam: Bilangan pertikaian perusahaan, kerja mengikut peraturan, piket dan mogok di dalam masa tiga tahun yang lalu ialah seperti berikut:

Tahun	Pertikaian Perusahaan	Kerja mengikut Peraturan	Piket	Mogok
1970	105	10	15	17
1971	142	6	18	45
1972 (sehingga 31-10-72) ...	149	8	32	60

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur itu ketahui, di dalam sistem socio-politico-economic, pertikaian perusahaan tidak boleh dielakkan sama sekali; ia menggambarkan keadaan sentitif bagi buruh dan pihak pengurusan terhadap perubahan sosial dan ekonomi. Jika dibandingkan dengan angka-angka bagi tiga tahun sebelumnya, sebagai yang ditunjukkan berikut, terdapat keadaan perusahaan yang aman dalam tempoh tahun 1970-1972.

Tahun	Bilangan pertikaian perusahaan	Bilangan	PEMOGOKAN Bilangan pekerja-pekerja terlibat	Bilangan kehilangan "Man-days"
1967	246	45	9,452	157,980
1968	309	103	31,062	280,417
1969	274	49	8,750	76,779
Hitong panjang ...	276	66	16,421	171,725
1970	105	17	1,216	1,867
1971	142	45	5,311	20,265
1972	149	60	8,843	32,120
Hitong panjang ...	132	41	5,123	18,084

SURAT-SURAT BOM DARI MALAYSIA

17. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- berapa banyakkah surat-surat bom yang berasal dari Malaysia yang telah dikesan; dan
- samada telah disahkan siapa yang bertanggungjawab menghantar surat-surat bom tersebut.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Cuma enam belas pucuk surat yang mengandungi alat-alat letupan serupa seperti yang dilaporkan di negara-negara lain telah dikesan oleh Pejabat Besar Pos, Kuala Lumpur pada 30hb Oktober, 1972. Ke-

semua surat-surat itu beralamat kepada tempat-tempat di seberang laut. Bagi tujuan penyiasatan dan sebab-sebab keselamatan, butir-butir lanjut tidak boleh diberi.

BADAN DAKWAH ISLAM UNIVERSITI MALAYA—BANTUAN

18. Tuan Hj. Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- samada Kerajaan bercadang akan menghulurkan bantuan kepada Badan Dakwah Islam Universiti Malaya (di bawah PMIUM) yang sentiasa berusaha dan bergiat untuk membentuk satu jenerasi pemimpin-pemimpin yang benar-benar faham akan hal-hal yang

bersangkut dengan Ugama Islam, di samping kegiatan dakwahnya ditunjukkan juga kepada siswa-siswa yang bukan Islam supaya tertarik kepada Ugama Islam; dan

- (b) samada kegiatan dakwah yang dijalankan oleh pelajar-pelajar Keristian di kampus yang begitu bebas tidak menimbulkan apa-apa kesan buruk kepada mahasiswa-mahasiswa Islam.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

- (a) Pada masa ini Kerajaan telah pun memberi bantuan kewangan kepada PKPIM (atau Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia) bagi membiayai kegiatan-kegiatan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. PMIUM (atau Persatuan Mahasiswa-mahasiswa Islam Universiti Malaya) sebagai salah satu badan gabungan PKPIM bolehlah memohon kepada badan kebangsaan tersebut untuk mendapat bantuan bagi kegiatan-kegiatan dakwahnya.
- (b) Mengikut maklumat yang diterima daripada Universiti Malaya kegiatan-kegiatan pelajar-pelajar Keristian itu tidak menimbulkan apa-apa kesan buruk kepada mahasiswa-mahasiswa Islam oleh sebab perjumpaan-perjumpaan yang diadakan oleh pergerakan pelajar-pelajar Keristian itu adalah terbuka kepada sesiapa yang ingin hadir dan tidak ada sama sekali paksaan yang dilakukan.

KATIL-KATIL DI HOSPITAL ORANG ASLI

19. Dr A. Soorian minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilangan katil-katil di Rumah Sakit Orang Asli di Gombak, dekat Kuala Lumpur dan samada kemudahan-kemudahan pembedahan disediakan juga.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Hospital Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Gombak mempunyai 400 buah katil untuk pesakit-pesakit. Kes-kes pembedahan tidak dilakukan di hospital tersebut, dan pesakit-pesakit yang memerlukan pembedahan dihantar ke Hospital Umum Kuala Lumpur atau Hospital Universiti.

PERISTIWA PEMBUNUHAN WARGANEGARA THAI

20. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah reaksi Kerajaan Thai akan pembunuhan 6 orang warganegara Thai baru-baru ini oleh pasukan keselamatan Malaysia di sempadan Thai-Malaysia.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Kerajaan Malaysia telah memberi penjelasan dengan sepenuhnya kepada Kerajaan Thai berkenaan dengan peristiwa yang sedih itu. Kerajaan Thai adalah berpuashati bahawa peristiwa itu adalah satu kemalangan semata-mata dan tidak dilakukan dengan niat yang buruk.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (14hb Disember, 1972).

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

(Usul)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,487,522,103 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1973, dan bagi maksud Kepala dan Pecahan-pecahan Kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1973 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 58 tahun 1972, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang bertentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 atau 7 senarai tersebut; dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 23hb Ogos, 1972, mengenai

perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973 adalah dibatalkan." (14hb Disember, 1972).

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberi penerangan sedikit. Kalau boleh, seseorang yang hendak berucap itu biarlah tidak lebih daripada 15 minit. Sebab masa sudah suntuk, nanti tidak cukup masa bagi Ahli-ahli yang lain yang hendak bercakap. Saya suka supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil perhatian atas perkara ini, kalau tidak, saya akan memberhentikan ucapan yang tidak elok di Dewan ini.

Perbahasan disambung semula.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, before the House adjourned yesterday I was saying that this appears to be a pre-election Budget and yet there are no concessions to the lower income groups.

I would like to add, Mr Speaker, Sir, that there has been no reduction in the duties on essential goods like sugar, condensed milk or powdered milk and even school fees and rubber cess. Mr Speaker, Sir, it is unthinkable that any Government would want to tax even the food of babies, for example, powdered milk. The tax on condensed milk and powdered milk is sinful.

The Government collects more than \$52 million from the excise duty on sugar as we can see from the Revenue Estimates and also another additional \$6.6 million from import duty. It is no wonder, Mr Speaker, Sir, that the price of sugar is high and as sugar is an essential commodity for all of us, rich and poor, young and old, I urge the Government to abolish this highly regressive and sinful duty.

I also urge the Government, Mr Speaker, Sir, to abolish, or at least reduce, school fees as these fees are high and are partly responsible for the high school drop-out rate.

Further, the Government must reduce the high duty on rubber cess amounting to as much as 7½ cents per pound, particularly when the price of rubber is low.

Mr Speaker, Sir, against this, instead of giving any reduction, the Government, we notice, has decided to reduce the price of beer. I would not know why the duty on

beer is reduced, which has brought about a reduction in the price of beer. I do not know how essential it is or vital it is, whether it is more vital than powdered milk for our people in the kampungs in order to reduce the price of beer.

This, Mr Speaker, Sir, points to the fact, as pointed out by the Member for Muar Dalam, that the Budget has remained essentially colonial and capitalistic, and the Budget has not been used as an instrument for effecting the redistribution of income as set out in our Second Malaysia Plan or as proclaimed in the Rukunegara. This is also borne out, from the Economic Report itself which has been tabled. This Report on pages 42 and 43, in the chapter on Objectives, Achievements and Problems, admits that scant attention is paid to the question of distribution. In a wishy-washy statement it says and I quote: "Reliable data is inadequate to permit a detailed evaluation of recent achievements with respect to this policy objective (i.e. the policy objective of distribution of incomes). According to very rough estimates, inequality of incomes in Malaysia seems to be similar to that of other Asian developing countries."

In other words, Mr Speaker, the Government admits that our country is no better than Indonesia, India or the Philippines. In fact, a recent private survey showed that the average income of a worker is about \$57 per month, and the Finance Minister himself admitted that in the East Coast the fishermen hardly gets \$60. This shows, Mr Speaker, that the gap between the rich and the poor in this country is widening; the economic policy of the Government is cock-eyed—as also the Member for Johor Tenggara said yesterday—and the Budget has not been effective in redressing the economic imbalance between the rich and the poor. It is a fact, Mr Speaker, Sir, that the rural dwellers and the workers have not benefited from the very vast sums of money that have been injected into the economy of the country. In fact, it is openly said, Mr Speaker, that by the end of the Second Malaysia Plan, there would be maybe a few Malay millionaires—and many others may become billionaires—whilst the rest of the country, i.e. the ordinary people in the kampungs, will remain as poor, if not comparatively poorer, than they were before the Plan, because the gap is widening.

We can see this also, Mr Speaker, Sir, from the fact that the Finance Minister has not mentioned anything about the *per capita* income. If he had done so, as he does at every Budget, then the people would know how false and untrue the real income is when compared with the *per capita* income. Instead the Minister has given us figures about the G.N.P. and said that we are the fourth largest in Asia after Japan and the Island States of Hongkong and Singapore. But a look at the table in the Economic Report shows that our GNP is about $\frac{1}{3}$ that of Singapore and Hongkong and about $\frac{1}{5}$ that of Japan; in other words, we are very much lower. Whilst I admit that these indices like G.N.P., G.D.P., *per capita* income are all indicators of the economy, they do not show the real earning power of the people and the question is, has the earning power of our people been raised? The Government, instead of saying we do not have data, must ascertain the real incomes of our people by surveys and so forth. But it is evident that the Government, with its die-hard capitalistic policy, would not be able to remedy this economic imbalance. Mr Speaker, Sir, we heard yesterday the Member for Johor Tenggara saying "Kita telah perhatikan kapitalisem dan kegagalannya", the failure of capitalism.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar: Can he read the whole sentence because he is reading out of context. (*Ketawa*) You read one word and then you confuse the House.

Tuan V. Veerappen: You are trying to confuse me, I have been given a very short time to speak. Mr Speaker, Sir, in this I believe the Honourable Member agrees with me, that the policy of the Government has failed and that is why he has called for a new policy, but he wants a new political system based on Islam because he says all other systems in the world cannot bring about social justice. But I do not know what his concept of social justice is. But as I said, he has said that the system which he envisages must be based on Islam.

Mr Speaker, Islam, like all other religions has an excellent philosophy; it is a religion that is against corruption, against nepotism against favouritism, extremism, fanaticism and capitalism, particularly monopoly capi-

talism. But it is a fact that even many Islamic countries have not evolved a system that might suit the Honourable Member.

Mr Speaker, Sir, our Government, the Alliance Government has already proclaimed its New Economic Policy in the Second Malaysia Plan and evolved a new philosophy, also in the Rukunegara, based on social justice and fair and equal distribution of wealth. Why then has this New Economic Policy failed, as stated by the Honourable Member, and as believed by Members on this side of the House and also shared by many other Members, even by the Member for Muar Dalam? Mr Speaker, Sir, it is, in my opinion, because the Government is not prepared to change and it is because individuals, perhaps like the Member for Johor Tenggara are not prepared to change either; paying lip service to any philosophy or religion is not enough, for, if I may be permitted, as the Quran says, "God will not change a man or a community until and unless he first changes himself". If this is the change the Honourable Member asks for and the Government is not prepared to do it, then he must be prepared to change himself; he must be prepared to come over to this side of the House (*Ketawa*). We in the PEKEMAS offer this change if he will accept the philosophy.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar: Tuan Yang di Pertua, on a point of order: ucapan saya semalam telah disalah mengertikan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya fikir eloklah saya betulkan supaya beliau tidak berlarut-larut mengulas ucapan saya yang beliau tidak faham betul-betul apa maksud saya. Apakala saya menyebutkan dengan Kerajaan supaya mengambil inisiatif, menyiasat dan menyelidik kalau-kalau ada dalam sistem ekonomi Islam yang boleh kita ambil bagi melahirkan social justice, maka saya menyeru supaya kita mengambil inisiatif, bukan hendak menyeru orang embrace Islam, tetapi untuk mengkaji sistem-sistem yang ada di dalam Islam kerana sistem-sistem yang ada dalam dunia pada hari ini telah gagal: kominism, socialism, kapitalism dan entah apa ism lagi, baik sistem ekonomi atau sistem politiknya telah menunjukkan kegagalan yang dahsyat sekali. Jadi saya berharap satu sistem baharu dapat dilahirkan, bukan sahaja untuk tanahair kita tetapi . . .

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Yang di Pertua, apakah point of ordernya?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli Yang Berhormat ada hak mengikut Peraturan Tetap menjelaskan apa yang disebutkan dalam ucapannya dahulu. Jikalau sekiranya disalah-fahamkan oleh seorang yang bercakap lain, dengan syarat Ahli Yang Berhormat bersetuju memberi jalan kepada Ahli Yang Berhormat menjelaskan, sebab beliau duduk, dan saya pun membenarkan; tidak menghalang.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Jadi apa yang saya maksudkan dalam ucapan saya ialah supaya dibentuk satu sistem baharu, sistem ekonomi dan sistem politik yang baharu, bukan sahaja untuk Malaysia kita, tetapi untuk seluruh manusia dan seluruh dunia. Saya harap sahabat saya dari Seberang Selatan tidak lagi menyalah-fahamkan ucapan saya semalam. Terima kasih.

Tuan V. Veerappen: Mr Speaker, Sir, I think I did quite understand him. I do know that he did not ask us all to embrace Islam. I was not saying that either. I was saying that if he wanted a system based on Islam, from the teachings, perhaps

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar: Sir, I ask him to study my speech.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Nampaknya dia tak faham.

Tuan V. Veerappen: Anyway, this Member did say that the Economic Plan as it is done or carried out by the Government will not succeed. "Saya nampak gelap dan samar-samar yang perkara itu dapat dijayakan"—that is what he said. Therefore, I believe he wanted a change. I invite him, if he wants a change, to join us. We want to change the society here and he must be prepared to serve

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar: Tuan Yang di Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Barangkali Ahli Yang Berhormat tak faham lagi, dia kata hendak kaji, tengok, bukan dia minta hendak tukar. Ahli Yang Berhormat boleh sambung semula kerana masa sudah lewat.

Tuan V. Veerappen: Further, Mr Speaker, Sir, the Economic Report also on page 1, paragraph 3, says that public investment went up by only 40%, while in paragraph 4 it says that private investment has risen by only 3%. This is very disappointing when compared with the Plan's average of 8.4% per year and the 1970 average of 30%. This is so in spite of the very generous loans and other facilities provided by the Government to the private sector. This is not mere sluggishness as stated by the Minister of Finance; this is an open refusal by private enterprise to invest in the country. When there is so much money rolling in the Stock Market, when there is such great desire to invest in land and in the shares of well-established foreign companies, one cannot understand why the private sector has not responded to the call of the Government. This clearly shows that the Government's New Economic Policy based on the free enterprise system is a failure and is bound to fail. It is no wonder that the Government is scheming to have a National Front and to hold early elections before the results of the Second Malaysia Plan are evident and become known to the people.

Mr Speaker, Sir, the fact that the Government has been able to meet its target as stated by the Minister in spite of this failure of the private sector to invest has been done by pumping in large sums of public funds and by the desire of some foreign companies who intend to get rich quickly by exploiting the captive labour with low wages and the tax incentives with its high protective tariffs. If not for these, the Plan might not have got off the ground. It is, therefore, essential, Mr Speaker, to institute a top-level review to find out the reasons for the reluctance of the private sector to respond to Government's incentives and safeguards and guarantees to private capital. Perhaps in this the Member for Johor Tenggara agrees, that there must be a review. I am told that this is due to a fall in morals due to the insistence of the Government on the type of workers the industry has to employ to comply with quotas. But this may be an over-generalisation and the real reasons have to be sought and the causes removed, if the private sector under the free enterprise system can be relied upon to play the role envisaged by the Second Malaysian Plan of bearing the brunt—in fact, the private sector, Mr Speaker, Sir, was intended to bear the brunt

of the development with a contribution of 8.4% annual growth compared with Government's 5.9%. Therefore, the private sector was supposed to spend more and invest more than the Government or the public sector.

Furthermore, the high protective wall of tariffs has had a very dangerous effect on the prices of goods and a debilitating effect on industrialisation in particular. On the one hand, it has resulted in very high prices leading to inflation and, on the other, it has made our industrialisation strategy an "inward looking" one, depending on the local market and the local people. In other words, Mr Speaker, Sir, our industrialists are encouraged by these protective tariffs to exploit a captive market without having to compete in world markets. This again has made the rich richer and the poor poorer by forcing the poor of our country to pay more when they can get imported things cheaper. Furthermore, the strategy to protect local industries at any cost with high tariffs works against overall national interests as it fails to lead to the establishment of a viable, mature and dynamic industrial sector. It hampers the growth of the industrial sector. It further discourages businessmen from thinking in terms of world markets and encourages even smuggling. This is also evident, Mr Speaker, in the clamour for protection by these companies even before the industry has started functioning.

Take the case of the textile industry. I understand that there are only about two main spinning factories in Malaysia today—although there are small ones which spin for themselves—but there are more than fifty factories weaving the yarn into cloth, particularly for sarongs, etc. But for some reasons the Government has imposed import duties on cotton. This has forced prices of cloth up and, therefore, that means our people have to pay more. I cannot understand why these duties should be imposed. The two spinning factories cannot produce even the yarn that is required for our own factories. In fact, this was admitted by one of the producers, one of the spinning factories. Neither can they produce the various types of yarn required for the various types of cloth. I understand the Government agreed to impose these restrictions to enable our producer to expand his capacity. Mr Speaker, Sir, this is a dangerous practice

which may lead to corruption if it has not already started. Protective tariffs, to my mind, if it is at all necessary, must only be given when local producers have set up the machinery to produce sufficient quantities and types of materials at least for our local consumption. Even in such cases protection is bad because it inhibits the producer from being outward looking and competing in world markets.

Therefore, Government must reconsider its industrialisation strategy also. There must be a change of strategy and shift of emphasis. If we have to produce for the home-market, Mr Speaker, then such industries should be State-owned, run by the State. It is of no use protecting industries to enrich the capitalist at the expense of the consumers who are our people and to create inefficient and exploitative industries. Furthermore, Mr Speaker, most of these industries are not original or native to Malaya. They are not infant industries as far as the industries themselves are concerned, though they may be new in Malaysia. No one can say, for example, that the Indo-Malaysia Textile is an infant industry. They are giants; the Birlas are giants in India in their own right and have many, many years of experience. Similarly, most of our industries in our country are not infants. They are not started only by our local people. If they are started by our own people who are trying to learn, I say then they are infant. But, these are all giants who are brought here, and there is no chance for our people to learn the know-how. There is no deliberate policy of ensuring that the know-how is gained by our local personnel. In fact, whilst the so-called foreign experts are paid fantastic salaries and housing and entertainment allowances, our local personnel are paid very low wages and are made to occupy lowly positions though they do similar work. Take, for example again, the Indo-Malaysian Textiles, a local accountant is paid only \$800, whereas an accountant from India gets \$2,500 plus house, plus entertainment allowance, plus free trips back to India at Company's expense. I am sure, Mr Speaker, Sir, you will agree that it is not such an expert job to be an accountant. The boiler supervisor, again, in Taiping Textile is paid much more than a Malaysian who does almost all the work but he gets only about \$300.

But beyond mere discrimination in salaries, local personnel are not permitted to understudy the foreign technical staff or even the Director or the Managing Director. As such, Mr Speaker, Sir, our people will never ever be able to learn the tricks of the trade or even the trade itself and we as a nation will forever be dependent on foreign industrialists and foreign know-how. It is, therefore, evident that in this respect also, the Second Malaysia Plan will be a failure.

Mr Speaker, Sir, the position will not be that hopeless, if the Government will stand to reason. The Government should see the writing on the wall and learn from the experience of other countries. It should, in my opinion, set up State enterprises to go into industry with the help and assistance of international organisations and other willing countries even if their ideologies are different from that of ours, provided that they are prepared to train local people in running the industry concerned. Even if we cannot get this assistance, the State enterprises should be able to pay for and employ foreigners to teach our people to run the industries concerned. If people are prepared to be mercenaries and die in wars, I do not see why people cannot come and teach our people to run the industries. In this way, I believe that we can build up the expertise and the know-how to run our own industries. Some may say that State enterprises are usually inefficient and unsuccessful, but I do not agree. This, to my mind is due to the fact that the appointment of persons to positions of trust and power in such enterprises are usually as rewards for political favours or support or because they have been faithful civil servants. The practice of appointing politicians, whether rejected ones or not, has the tendency to encourage corruption and a lack of morale in those under them.

The practice of appointing aging civil servants who have rendered faithful or trusted service results in inefficiency because they are not suited to the discipline, nor do they have the imagination and business acumen required in such ventures. The bureaucratic practice in Government, Mr Speaker, Sir, is utterly unsuited for business ventures.

As such, Government should consider appointing persons of proven experience in business and have regular, careful check on

them. These enterprises, including the State Development Corporations, should be made accountable and answerable to Parliament and the respective Assemblies.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Panjang lagiakah, Ahli Yang Berhormat?

Tuan V. Veerappen: Tidak, saya hendak habiskan. Finally, Mr Speaker, Sir, I would like to congratulate the Government and particularly our Minister of Finance, for having made it possible to have both the Development and the Ordinary Budget discussed together. Thank you very much.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Yang di Pertua, saya ingin bersama-sama membahaskan Anggaran Belanjawan yang telah dikesempatan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Di dalam Anggaran Belanjawan ini, saya menganggap adalah sebagai suatu Anggaran Belanjawan yang sangat menasabah dan berpatutan serta sesuai dengan dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita iaitu menambahkan cukai kepada golongan rakyat yang mewah, tetapi tidak mengenakan cukai kepada rakyat miskin.

Tuan Yang di Pertua, apa yang mengagalkan rakyat, terutama petani-petani ialah adanya kenaikan cukai bagi buah-buahan yang dibawa masuk dari luar negeri. Ini adalah merupakan satu alamat yang baik bagi petani-petani supaya buah-buahan tempatan mendapat pasaran yang baik dari rakyat negeri ini. Diharap petani-petani akan dapat menggunakan kesempatan yang sepenuh-penuhnya bagi menambahkan pendapatan mereka dan dengan dasar Belanjawan ini saya harap akan dapat dijadikan satu dasar yang terus-menerus sehingga keadaan ekonomi rakyat bagi kawasan luar bandar dengan rakyat kawasan dalam bandar dapat diperseimbangkan.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan kita telah membuat beberapa penelitian dan kajian daripada satu masa ke satu masa semenjak Rancangan Malaysia Yang Pertama dilaksanakan dan sehinggalah kepada Rancangan Malaysia Kedua dijalankan selama dua tahun yang lampau dan sehingga akhir tahun 1972 ini, maka bermakna sampailah dua tahun perjalanan Rancangan Malaysia Kedua ini.

Di dalam kajian-kajian dan penelitian-penelitian ini, saya mohon izin untuk memberikan serba sedikit pandangan di Dewan Yang Berhormat ini iaitu mengikut bilangan besar rakyat Malaysia ini adalah mengandungi tiga golongan atau pun tiga kumpulan.

Yang pertama, ialah kumpulan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan badan-badan berkanun.

Yang kedua, kumpulan ahli-ahli perusahaan dan perniagaan dan kakitangannya.

Dan kumpulan yang ketiga, ialah petani-petani, nelayan-nelayan serta pekerja-pekerjanya.

Di dalam ketiga-ketiga kumpulan ini Kerajaan telah berjaya memberikan satu pembelaan yang saya fikir lumayan kepada kumpulan pegawai-pegawai Kerajaan dan badan-badan berkanun serta kakitangannya dengan kehidupan yang sempurna melalui suruhanjaya-suruhanjaya yang mengkaji kedudukan gaji dan tugas-tugas mereka daripada semasa ke semasa, kerana Kerajaan kita telah bertindak sebagai majikan yang sentiasa bertimbangrasa dengan penuh keadilan.

Tuan Yang di Pertua, pada kumpulan kedua iaitu ahli-ahli perusahaan dan perniagaan juga telah mempunyai kedudukan yang lebih sempurna dan sebahagian daripadanya lebih lumayan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Begitu juga pekerja-pekerja di kilang-kilang perusahaan adalah sentiasa diawasi oleh pihak Kerajaan iaitu dari pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, dan pengawasan itu dengan tujuan supaya mereka itu dapat diberi bayaran yang berpatutan serta galakan-galakan dan pertolongan serta kemudahan kepada ahli-ahli perniagaan dan perusahaan itu terus-menerus adalah menambahkan lagi minat rakyat negara ini di dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Hanya sebahagian daripada ahli-ahli perniagaan yang kecil sahaja yang agak belum begitu sempurna kehidupan mereka itu.

Tun Yang di Pertua, menyentuh kumpulan ketiga yakni kumpulan daripada petani dan pekerja-pekerjanya terutama sekali pekebun kecil yang berselirak di seluruh negara ini. Di dalam golongan mereka itu sebahagiannya barangkali ada

juga yang agak lumayan, tetapi sebahagian besar daripada jumlah mereka itu adalah mempunyai penghidupan atau pun pendapatan di dalam paras yang terkecil sekali terutama sekali pekebun-pekebun kecil kelapa yang saya rasa luasnya tidak kurang ataupun lebih kurang 500,000 ekar yang melibatkan lebih kurang 800,000 keluarga di seluruh negara kita. Ini adalah disebabkan oleh kemerosotan harga kelapa yang tidak ada sebarang kawalan harga dari sesiapa juga. Pekebun dusun dan penanam sayur juga adalah mempunyai nasib yang sama.

Walaupun pada masa ini badan-badan sukarela seperti Persatuan Peladang, Persatuan-persatuan Pekebun Kecil sedang bergerak cergas, tetapi penyakit yang dihadapi oleh petani-petani ini adalah satu penyakit yang telah dipusakai daripada semenjak penjajahan iaitu beratus-ratus tahun yang lampau hinggalah pada masa ini, adalah satu penyakit sangat teruk yang memerlukan tumpuan tenaga yang disatukan, samada dari pihak agensi-agensi Kerajaan ataupun agensi-agensi pertanian hendaklah bergerak bersungguh-sungguh bagi mengatasi beberapa masaalah yang sedang dihadapi oleh petani-petani diseluruh negara ini.

Tuan Yang di Pertua, masaalah-masaalah yang menyebabkan kemunduran petani-petani ini ialah diantara lain-lain, saya berpendapat adalah mengandungi 5 perkara.

Yang pertama, petani-petani ini hanya sanggup mengeluarkan bahan-bahan pertanian sahaja.

Yang keduanya, mereka ini tidak dapat ataupun tidak mengetahui untuk memproseskan hasil-hasil pertanian mereka.

Yang ketiganya, tidak dapat memasarkan hasil-hasil pertanian mereka ke bandar-bandar yang besar.

Yang keempatnya, tidak banyak kilang-kilang perusahaan yang sanggup memproses bahan-bahan pertanian.

Yang kelima, petani-petani tidak mempunyai keluasan tanah yang mencukupi untuk sara hidup bagi sesuatu keluarga mereka.

Masaalah ini telah diketahui oleh pihak Kerajaan dan tindakan-tindakan ini perlu diambil, samada tindakan ini patut dibuat oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan, samada tindakan ini patut dibuat

oleh badan-badan berkanun, samada tindakan ini patut di buat oleh kalangan-kalangan swasta, samada tindakan ini patut dibuat oleh ajensi-ajensi petani.

Saya percaya dengan adanya tindakan tegas daripada semua pihak, kesulitan-kesulitan itu akan dapat diatasi. Misalnya, sebagai contoh seperti Pusat Pengkajian Makanan (Food Technology) perlu membuat kajian lebih mendalam segala jenis-jenis pengeluaran pertanian supaya dapat diproses dengan mengeluarkan mutu yang lebih tinggi supaya dapat dipasarkan, bukan sahaja dalam negeri ini, tetapi juga untuk pasaran luar negeri.

Sebagaimana yang kita ketahui pada masa ini, kemerosutan harga kelapa disebabkan adanya pertandingan dengan pengeluaran minyak-minyak lain seperti minyak kacang dan lain-lain lagi dan minyak-minyak kelapa ini barangkali saya percaya tidak boleh bertanding dengan jenis minyak-minyak yang lain. Dengan ini, saya harap bagi pihak Pusat Pengkajian Makanan (Food Technology) cuba berikhtiar dengan sedaya upaya bagaimana cara-cara ramuan yang boleh meninggikan lagi mutu minyak kelapa ini supaya dapat memelihara atau menjaga nasib kedudukan lebih kurang 800,000 keluarga pekebun-pekebun kelapa di seluruh negara ini.

Begitu juga penyiataan bagi menganika-jeniskan bahan kelapa seperti penggunaan sabut-sabut kelapa dijadikan kusyen kereta dan juga tempurung kelapa boleh dijadikan cardboard, dan juga barangkali boleh dijadikan serbuk-serbuk daripada sabut kelapa yang boleh digunakan serbuk ice dan lain-lain lagi. Ini, saya percaya daripada pihak ahli-ahli Food Technology ataupun ahli-ahli teknik di dalam soal ini akan dapat mengetahui atau menjalankan penyiataan bagi memberi pertolongan yang besar kepada petani-petani, pekebun-pekebun kelapa di seluruh negara ini.

Saya percaya, dengan adanya kejayaan bagi menganika-jeniskan bahan-bahan kelapa dan memproses hasil-hasil pertanian kita akan dapat memberi peluang lebih ramai penganggur-penganggur luar bandar untuk mendapatkan pekerjaan.

Bagaimana saya telah difahamkan pada masa ini Kementerian Pertanian sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk meng-

adakan pusat Percubaan Memproses Kelapa di Negeri Selangor dan Negeri Johor. Apa yang saya harapkan usaha ini akan dapat diteruskan di dalam penyiataan bagi menganika-jeniskan daripada bahan-bahan pertanian kelapa dan tidaklah hanya akan berkisar untuk mengadakan salai-salai kelapa sahaja, tetapi juga siasatan yang akan dapat meninggikan mutu minyak kelapa untuk menghadapi pertandingan dengan pengeluaran-pengeluaran lain minyak untuk makanan dan memproses bahan-bahan untuk digunakan bagi faedah yang lain.

Tuan Yang di Pertua, sebagaimana badan-badan berkanun yang lain seperti FAMA, FIMA dan lain-lainnya, saya harap dapat diberi peruntukan kewangan dan juga pegawai-pegawai yang diperlukan dengan sepenuhnya dan supaya badan-badan ini akan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna untuk memberi pimpinan bagi menolong petani-petani di seluruh negara.

Begitu juga, Tuan Yang di Pertua, kepada ajensi-ajensi petani-petani seperti Persatuan-persatuan Peladang sebagaimana yang telah saya difahamkan telah mula bergerak mendapatkan tempat perniagaan di kawasan-kawasan bandar untuk memasarkan hasil-hasil pertanian untuk faedah ahli-ahlinya dan juga telahpun mula menyertai bidang perusahaan dan perniagaan dan sebagaimana yang telah saya ketahui begitu juga bagi pihak pekebun-pekebun kecil juga sudah mula bergerak dengan lancar lagi menambah keluasan tanah bagi ahli-ahlinya.

Satu perkara yang paling penting ialah menggerakkan dengan lebih cergas lagi kepada ajensi-ajensi rakyat di kampung seperti Jawatankuasa-jawatankuasa Kampung di seluruh negara ini, ketua-ketua kampung supaya dapat diberi nafas dan semangat yang baharu bagi memimpin rakyat di tiap-tiap kampung mereka. Sebaik-baik langkah, saya berpendapat Jawatankuasa-jawatankuasa Kampung ini hendaklah diikuti segala kewajipan-kewajipan mereka ini dikawal dengan sepenuh-penuhnya dan diberi arahan dengan sepenuhnya dan kalau perlu mereka ini diberi elau yang berpatutan supaya mereka boleh bergerak dengan cergas, kerana bagi pendapat penduduk-penduduk di kampung-kampung, ketua-ketua kampung ataupun Jawatankuasa-jawatankuasa kema-juan kampung ini adalah merupakan pemimpin-pemimpin mereka dan mereka inilah yang akan dapat menyusun masyarakat-masyarakat

desa bagi menyambut dasar ekonomi baharu Kerajaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Panjang lagi, Ahli Yang Berhormat?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Sedikit lagi, Tuan Yang di Pertua. Selain daripada itu, saya fikir, kalau kita dapat menyusun semula Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung ini baharulah kita dapat menyesuaikan diri dengan apa yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri iaitu sebagai gerakan pembaharuan yang telah diisytiharkan di Dungun baharu-baharu ini. Dan badan-badan yang diberi galakan sepenuhnya ini bukan hanya dapat menyusun satu masyarakat pertanian cara kunu kepada cara yang lebih moden lagi yakni petani-petani yang sanggup untuk mengeluarkan bahan pertanian itu dapat memproses hasil pertanian dan akan dapat memasarkan hasil-hasil pertanian mereka, yang mana akhirnya di satu masa petani-petani ini akan kita bawa ke dalam kegiatan perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di Pertua, satu perkhbaran yang sangat-sangat baik ialah adanya perkhbaran penyatuan Persatuan-persatuan Peladang dengan syarikat kerjasama. Langkah penyatuan ini adalah satu langkah yang bijak dan akan dapat mengukuh kedudukan agensi-agensi pertanian di dalam satu badan. Saya mempunyai kepercayaan yang penuh adanya penyatuan ini akan dapat dibentuk di dalam satu Lembaga yang mengandungi ahli-ahlinya dari badan-badan Kerajaan yang bertanggungjawab dengan petani-petani. Misalnya dari Syarikat Kerjasama, Persatuan-persatuan Peladang, FAMA, FIMA, Pekebun-pekebun Kecil, L.P.N., Jabatan Pertanian, Wakil Kementerian berkenaan termasuk Perbendaharaan, Bank Pertanian dan lain-lain lagi yang difikirkan mustahak supaya mereka ini duduk di dalam satu Lembaga yang mewakili Kementerian-kementerian, Jabatan Kerajaan dan badan berkanun serta agensi-agensi pertanian duduk dalam satu Lembaga bagi membincangkan semua masalah pertanian akan dapat bekerja di dalam satu pasukan.

Saya percaya segala kesulitan-kesulitan pertanian akan dapat diatasi. Dengan cara

ini akan dapat menjauhkan salah faham di antara satu sama lain.

Tuan Yang di Pertua, saya berpendapat lembaga ini patut dibuat di dalam tiga peringkat, iaitu di peringkat Daerah, peringkat Negeri dan peringkat Kebangsaan supaya sebarang masalah yang timbul akan dapat disalurkan mengikut tanggungjawab dan peringkat masing-masing.

Tuan Yang di Pertua, kita tidak boleh membiarkan lebih lama cara pertanian-pertanian yang tulun, iaitu pertanian cara lama ini hidup lebih lama lagi. Dengan cara beransur-ansur kita terpaksa mengubah cara hidup mereka ini.

Di samping itu, kita perlu menyusun masyarakat mereka supaya boleh menjadi masyarakat pertanian yang moden dan dapat boleh mengeluarkan bahan pertanian yang boleh menguntungkan.

Bagi melaksanakan tugas-tugas besar ini, Tuan Yang di Pertua, saya fikir perkara ini adalah memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Dan bagi menyentuh pula saya kepada kemajuan-kemajuan yang telah dicapai selama dua tahun berjalan Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan kita ini, saya suka memberi tahniah kepada Kerajaan atas kejayaan menarik pemodal-pemodal luar menanamkan modal di kilang-kilang perusahaan di dalam negara kita ini adalah sangat-sangat membanggakan. Ini adalah menunjukkan keteguhan politik, keteguhan ekonomi serta sosial negara kita yang telah dapat memberi kepercayaan kepada pemodal-pemodal asing terhadap negara kita ini.

Apa yang perlu diberi perhatian berat ialah jenis kilang-kilang perusahaan menggunakan bahan-bahan pertanian dari negara ini patut lebih diberi galakan yang istimewa kepada mereka-mereka ini dan supaya lebih tertarik untuk mengadakan kilang-kilang perusahaan bagi menggunakan asas bahan-bahan pertanian. Dengan ini masalah kerumitan petani-petani akan dapat diatasi daripada segi pemasarannya.

Galakan yang paling sesuai ialah lebih menggalakkan pembinaan kilang-kilang di kawasan luar bandar. Di dalam menggalakkan pembinaan kilang-kilang di kawasan luar bandar ini saya agak kemudahan-kemudahan juga perlu disediakan oleh Jabatan-jabatan dari Kementerian yang berkenaan, misalnya seperti bekalan air dan

